

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN HELLO CBP 2024

BERKUAT KUASA 01 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2024

1.0 DEFINISI

Bagi maksud Terma-terma dan Syarat-syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan berikut hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya:-

“**CBP**” bermaksud Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (Koperasi No.1146), koperasi yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 dan mempunyai alamat berdaftar di No. 27, Tingkat 6, Wisma JCBNEXT, Lorong Medan Tuanku 1, Off Jalan Sultan Ismail, 50300 Kuala Lumpur.

“**Cabutan**” proses cabutan iaitu Pemilihan Secara Rawak yang akan dilakukan oleh pihak CBP bagi tujuan pemilihan pemenang bagi Kempen ini.

“**Kempen**” bermaksud Kempen Hello CBP 2024 yang mana butir-butir dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat di sini.

“**Kempen Taktikal**” bermaksud kempen tersendiri (stand-alone) di bawah Jabatan-Jabatan Perniagaan yang terlibat dengan Kempen Hello CBP 2024 yang mana butir-butir dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen Taktikal.

“**Hadiah Kempen**” bermaksud hadiah yang ditawarkan bagi pemenang Kempen berdasarkan kategori cabutan yang ditawarkan.

“**Mata Penyertaan**” bermaksud mata yang layak diterima oleh Pelanggan tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen yang dinyatakan di sini.

“**Pelanggan**” bermaksud Pelanggan Baharu atau Pelanggan Sedia Ada yang melanggan produk atau perkhidmatan CBP yang dipromosikan melalui Kempen ini.

“**Pembiayaan Runcit**” bermaksud semua pembiayaan runcit di CBP iaitu Pembiayaan Perumahan-i, Pembiayaan Peribadi-i, Pembiayaan Ar-Rahnu.

“**Pemenang**” bermaksud Pelanggan yang telah dikenal pasti untuk memenangi hadiah berdasarkan proses Cabutan yang dilaksanakan oleh pihak CBP.

“**Prinsip Hibah Mu’allaqah (Hibah Bersyarat)**” bermaksud prinsip pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang dengan dikaitkan atau disyaratkan berlakunya sesuatu perkara.

2.0 TEMPOH KEMPEN

2.1 Tempoh Kempen ini bermula dari 01 Januari 2024 – 31 Disember 2024 (termasuk kedua-dua tarikh) (“**Tempoh Kempen**”).

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN HELLO CBP 2024

BERKUAT KUASA 01 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2024

2.2 CBP berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa yang dianggap perlu, dengan notis tujuh (7) hari kalendar sebelumnya.

3.0 KONSEP SYARIAH

3.1 Konsep Syariah yang digunakan bagi Kempen ini adalah prinsip *Hibah Mu'allaqah* (Hibah Bersyarat).

3.2 Berdasarkan prinsip *Hibah Mu'allaqah*, pihak CBP akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang Berjaya memenuhi segala Terma-terma dan Syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak CBP dan dikenal pasti sebagai Pemenang.

4.0 KELAYAKAN & KRITERIA

4.1 Kempen Hello CBP 2024

PRODUK	KELAYAKAN & KRITERIA	MATA PENYERTAAN (MP)
DEPOSIT	<p>KATEGORI PELANGGAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Pelanggan Individu – Semua Pelanggan Baharu dan Sedia Ada yang mempunyai Akaun Simpanan-i Salam di CBP. Bagi akaun bersama, pelanggan yang layak adalah pemenang akaun utama sahaja.• Pelanggan Sedia Ada yang mempunyai Akaun Simpanan-i Qard di CBP, perlu membuka Akaun Simpanan-i Salam untuk layak menyertai Kempen ini. <p>Pelanggan Bukan Individu KECUALI Agensi Kerajaan dan Badan Korporat.</p> <p>KATEGORI KAKITANGAN DAN ANAK KAKITANGAN CBP</p> <ul style="list-style-type: none">• Kakitangan Tetap atau Kontrak yang masih berkhidmat dengan CBP pada hari pemberian hadiah.	<p>Satu (1) MP akan diberikan bagi setiap <i>RM10.00</i> yang dikekalkan oleh pelanggan pada setiap tempoh penilaian Kempen</p>
PEMBIAYAAN PERIBADI AL-YASEER (Pengeluaran bersih <i>RM30,000</i> dan ke atas)	<ul style="list-style-type: none">• Pelanggan Individu yang baharu dan sedia ada• Warganegara Malaysia• Berumur 18 tahun ke atas• Tidak diisytiharkan muflis	<p>Tambahan 10 MP</p>
AR-RAHNU (Penerimaan)	<ul style="list-style-type: none">• Pelanggan Individu yang baharu dan sedia ada• Warganegara Malaysia• Berumur 18 tahun ke atas• Tidak diisytiharkan muflis• Permohonan pengeluaran pembiayaan minima <i>RM15,000</i> yang diluluskan dalam tempoh Kempen	<p>Tambahan 10 MP</p>
PEMBIAYAAN PERUMAHAN AL-AMALI	<ul style="list-style-type: none">• Pelanggan Individu yang baharu dan sedia ada• Warganegara Malaysia• Berumur 18 tahun ke atas• Tidak diisytiharkan muflis	<p>Tambahan 10 MP</p>
WASIAT	<ul style="list-style-type: none">• Pelanggan Individu yang baharu• Warganegara Malaysia• Tidak diisytiharkan muflis	<p>Tambahan 10 MP</p>

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN HELLO CBP 2024

BERKUAT KUASA 01 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2024

CBP SMARTCARE	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan Individu yang baharu • Pelanggan Pelan C/D atau E sahaja (minimum RM140) • Warganegara Malaysia • Tidak diisytiharkan muflis 	Tambahan 5 MP
CBP PROTECT	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan Individu yang baharu • Pelanggan Pelan A, B atau E sahaja (minimum RM90.10) • Warganegara Malaysia • Tidak diisytiharkan muflis 	Tambahan 5 MP
TAKAFUL IDAMAN PLUS	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan Individu yang baharu • Warganegara Malaysia • Tidak diisytiharkan muflis 	Tambahan 5 MP
AMANAH PUSAKA	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan Individu yang baharu • Pelanggan yang membuat Sumbangan Tahunan Sahaja • Warganegara Malaysia • Tidak diisytiharkan muflis 	Tambahan 5 MP

Nota:

- Untuk layak cabutan, pelanggan perlu mengekalkan Baki Purata Harian bagi bulan semasa seperti berikut:
 - RM500.00 (Individu)
 - RM1,000.00 (Bukan Individu)
- Hadiah dan Cabutan bagi Kategori Pelanggan CBP dan Kategori Kakitangan beserta Anak Kakitangan CBP adalah secara berasingan
- Mata Penyertaan (MP) akan diberikan bagi setiap pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan dan kriteria bagi produk Akaun Simpanan-i Salam seperti di atas.
- MP yang diterima Pelanggan menentukan jumlah peluang Pelanggan untuk memenangi Kempen ini melalui Cabutan secara Rawak yang dilakukan oleh pihak CBP.
- MP (RM10 = Satu (1) Mata Penyertaan) dikira berdasarkan Purata Baki Harian (PBH) pada bulan tersebut. Formula pengiraan PBH adalah seperti berikut:

$$PBH = \frac{\text{Jumlah baki akhir harian dalam bulan semasa}}{\text{Bilangan hari dalam bulan semasa}}$$

- Tambahan 10 MP** kepada Pelanggan Akaun Simpanan-i Salam yang memohon Pembiayaan Runcit CBP bagi tahun 2024 seperti berikut
 - Pembiayaan Peribadi Al-Yaseer (Pengeluaran Bersih RM30,000 dan ke atas)
 - Pembiayaan Ar-Rahnu
 - Pembiayaan Perumahan Al-Amali (Penerimaan)
- Tambahan 10 MP** kepada Pelanggan Wasiat, manakala Tambahan 5 MP bagi 1 CBP Smartcare,, CBP Protect, Takaful Idaman Plus atau Amanah Pusaka

4.2 Kempen Taktikal

PRODUK	KELAYAKAN & KRITERIA
PEMBIAYAAN PERIBADI	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan Individu yang baharu dan sedia ada • Warganegara Malaysia • Berumur 18 tahun ke atas • Tidak diisytiharkan muflis • 100 orang pertama yang membuat pembiayaan RM400,000 • 5 pelanggan pertama setiap bulan di setiap wilayah (berdasarkan tarikh dan masa) • 100 akaun pertama dari rujukan Pelanggan Dapat Pelanggan
AR-RAHNU	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan individu yang baharu sahaja (New CIF) • Warganegara Malaysia • Berumur 18 tahun ke atas • Tidak diisytiharkan muflis

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN HELLO CBP 2024

BERKUAT KUASA 01 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2024

	<ul style="list-style-type: none">• Permohonan pengeluaran pembiayaan dari pelanggan baharu (New CIF) yang diluluskan dalam tempoh kempen layak mendapat satu (1) bilangan mata penyertaan
PEMBIAYAAN PERUMAHAN	<ul style="list-style-type: none">• Pelanggan individu yang baharu dan sedia ada• Warganegara Malaysia• Berumur 18 tahun ke atas• Tidak diisytiharkan muflis• Mempunyai Akaun Pembiayaan Perumahan & Bercagaran yang telah diluluskan dan masih aktif sepanjang tempoh Kempen berlangsung dan semasa undian pemilihan pemenang dijalankan• Satu (1) PENERIMAAN pembiayaan minima <i>RM100,000</i> yang diluluskan dan diterima dalam tempoh kempen layak mendapat satu (1) bilangan penyertaan• Baucer <i>RM1,000</i> akan diberikan kepada pelanggan dengan pembiayaan yang telah diluluskan dan diterima bagi pembiayaan <i>RM250,000</i> ke atas

5.0 HADIAH KEMPEN DAN KAEDAH PENENTUAN PEMENANG

- 5.1 Butiran kategori cabutan hadiah dan mekanisma Kempen seperti di Lampiran 1.
- 5.2 Pihak CBP akan menggunakan kaedah "**pemilihan secara rawak**" yang ditentukan oleh sistem dalaman CBP yang telus dan diaudit untuk memilih para pemenang dari kalangan para Pelanggan Yang Layak dan pihak CBP mempunyai hak dan keputusan yang muktamad untuk mengubah / menyemak semula / meminda kriteria pemilihan / mekanisma / proses yang difikirkan sesuai dan perlu pada bila-bila masa.
- 5.3 Pemilihan pemenang bagi Kempen ini akan dikendalikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja daripada tarikh akhir Tempoh Kempen atau pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh pihak CBP untuk menentukan pemenang.
- 5.4 Pelanggan yang memenangi hadiah Kempen (pemenang) ini akan dihubungi melalui telefon pada bila-bila masa pada waktu pejabat (9.00 pagi – 5.00 petang) dari hari Isnin hingga Jumaat. Panggilan telefon yang dibuat kepada pemenang adalah berdasarkan kepada nombor telefon terkini yang dikemukakan kepada pihak CBP dan yang tercatat didalam rekod CBP.
- 5.5 Pelanggan Yang Layak menyertai Kempen ini bertanggungjawab untuk memastikan alamat dan nombor telefon yang diberi kepada pihak CBP adalah yang terkini dan / dikemaskini pihak CBP.
- 5.6 Pihak CBP mempunyai kuasa mutlak untuk membuat tapisan dalaman pemenang (berdasarkan kepada polisi kawalan/ tatakelola Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Bank Negara Malaysia atau kepada kriteria-kriteria dalaman CBP.
- 5.7 Pihak CBP mempunyai kuasa mutlak untuk menapis pemenang berdasarkan kepada akaun-akaun berstatus aktif sahaja(bagi akaun-akuan deposit /pembiayaan), sebelum cabutan pemenang dijalankan.
- 5.8 Jika percubaan pertama untuk menghubungi pemenang gagal, maka percubaan kedua akan dibuat. Jika percubaan kedua itu juga gagal, tiada percubaan lagi akan dibuat oleh pihak CBP ; atau jika pihak CBP mendapati pemenang telah meninggal dunia, maka pihak CBP akan membuat keputusan yang muktamad untuk membatalkan pelanggan berkenaan sebagai pemenang. Pemenang Simpanan yang telah dibuat Cabutan akan dipilih untuk menggantikan Pemenang tersebut.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN HELLO CBP 2024

BERKUAT KUASA 01 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2024

- 5.9 Pihak CBP tidak akan bertanggungjawab dan tiada apa-apa gantirugi yang akan dipertanggungjawabkan kepada CBP oleh pelanggan, sekiranya pelanggan dalam senarai pemenang tidak dapat dihubungi atas apa alasan sekali pun.
- 5.10 Pihak CBP mempunyai hak mutlak untuk menggunakan kaedah-kaedah komunikasi yang lain untuk menghubungi pemenang.

6.0 PENEBUSAN HADIAH

- 6.1 Pihak CBP akan mengeluarkan surat pengesahan kepada pemenang dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh pengumuman nama pemenang atau pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai dan wajar oleh pihak CBP.
- 6.2 CBP mempunyai hak mutlak untuk meminda, menukar atau menggantikan hadiah yang ditawarkan dengan hadiah gantian yang bersesuaian tertakluk kepada nilai yang sepadan, ketersediaan stok dan mengikut budi bicara CBP.
- 6.3 Dalam keadaan/situasi CBP menukarkan hadiah lain yang bersesuaian tetapi tidak mempunyai nilai yang sepadan; pelanggan bersetuju bahawa tiada pampasan yang akan dibayar atau layak dituntut atas lebihan atau kekurangan nilai hadiah gantian berbanding nilai hadiah asal yang ditawarkan.
- 6.4 Apa-apa kos pendaftaran pemindahan hak milik (jika ada) bagi hadiah utama adalah ditanggung oleh pemenang sendiri.
- 6.5 Kos perbelanjaan (jika ada) berkaitan dengan pengambilan hadiah yang ditawarkan kepada pemenang harus ditanggung oleh para pemenang sendiri.
- 6.6 Pemberian hadiah adalah pada dasar "as-is-basis". Pihak CBP adalah tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan, deformasi, malfungsi serta kos-kos penyelenggaraan, tuntutan jaminan atau tuntutan takaful melibatkan hadiah-hadiah yang telah diberikan dan diterima oleh pemenang.
- 6.7 Pemenang hadiah Kempen dikehendaki untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam upacara penyampaian hadiah dan / atau mana-mana acara promosi kelolaan pihak CBP pada bila-bila tarikh dan masa yang akan ditentukan oleh pihak CBP. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak CBP melalui panggilan telefon atau cara perhubungan lain yang dianggap sesuai oleh pihak CBP mengenai ketetapan upacara penyampaian hadiah itu dan / atau mana-mana acara promosi yang akan dibuat oleh pihak CBP. Tertakluk kepada terma berikutnya berkaitan perintah sekatan, jika pemenang itu gagal menghadiri upacara penyampaian hadiah dan / atau mana-mana acara promosi secara fizikal, maka pemenang dianggap tidak menerima hadiah atau hadiah terbatal dengan menggunakan satu-satunya pertimbangan mutlak CBP tanpa memberi notis terdahulu kepada pemenang. Sebarang perbelanjaan menghadiri majlis / acara promosi CBP adalah ditanggung sendiri oleh pemenang. Sekiranya pemenang tidak dapat melakukan perjalanan disebabkan apa-apa perintah sekatan perjalanan yang dikenakan oleh pihak kerajaan, pemenang hendaklah memaklumkan kepada CBP untuk pihak CBP memberi nasihat dan arahan lanjut berkaitan

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN HELLO CBP 2024

BERKUAT KUASA 01 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2024

perkara di perenggan ini. Untuk mengelakkan keraguan, perkara ini hanya terpakai semasa apa-apa perintah sekatan yang di laksanakan oleh pihak kerajaan dan/atau undang- undang di Malaysia.

- 6.8 Sejalan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, CBP akan memastikan data peribadi pelanggan akan dilindungi. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang telah dianggap memberikan kebenaran menggunakan nama, gambar pemenang atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengan pemenang untuk disiarkan atau dipaparkan di mana-mana media mengikut budi bicara CBP. CBP juga berhak menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.
- 6.9 Hadiah akan diberi atau dikeluarkan atas nama para pemenang dan ia tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga sebelum dan semasa upacara penyampaian hadiah. Pemindahan hak milik hadiah daripada pemenang kepada pihak ketiga selepas upacara penyampaian hadiah atau selepas penebusan hadiah adalah hak budi bicara pemenang dan hendaklah tidak melibatkan CBP dalam urusan tersebut.
- 6.10 CBP tidak bertanggungjawab bagi sebarang tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat peruntukan cukai yang difailkan atau apa-apa bayaran cukai kepada jabatan berkuasa yang berkenaan, hadiah ini adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab pemenang. Pemenang berhak mendapatkan nasihat tentang tanggungjawab cukai yang mungkin timbul berikutan daripada kemenangan pemenang dan mendapatkan nasihat bebas mengenai cukai berhubung kedudukan kewangan pemenang atas tanggungan perbelanjaan pemenang sendiri (sekiranya ada).
- 6.11 CBP dan sekutunya berserta pihak Pengurusan, Pegawai, Pekerja dan Agensi yang terlibat tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan / atau sebarang kecederaan dan / atau kehilangan ke atas nyawa dan / atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen ini dan tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan / atau apa yang dialami oleh pelanggan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus, mengambil hadiah akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari CBP, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang.
- 6.12 Pihak CBP dengan jelasnya tidak mengambil kira dan tidak akan menerima sebarang perwakilan, jaminan atau penandatanganan, secara jelas atau secara tidak langsung, bertulis atau secara lisan berkaitan dengan kualiti atau kesesuaian hadiah (hadiah- hadiah). Pihak CBP juga tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian dengan pengeluar atau pengedar hadiah dan para pemenang sendiri dikehendaki berurusan secara langsung dengan pengeluar atau pembekal berkenaan bagi mendapatkan semua maklumat berkaitan jaminan ke atas hadiah yang dimenangi adalah muktamad.
- 6.13 Berlandaskan prinsip *faskh al-wa'd* dan/atau *faskh al-'uqud* (yang mana relevan), pihak CBP mempunyai hak untuk membatalkan wa'd dan/atau hibah dengan membatalkan kemenangan pemenang atau menafikan hak penebusan hadiah atau tidak memberikan hadiah atau menuntut kembali hadiah-hadiah yang telah diberikan kepada pemenang jika pemenang berkenaan telah didapati terbukti atau disyaki atau dituduh

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN HELLO CBP 2024

BERKUAT KUASA 01 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2024

melakukan atau bersubahat dengan sebarang kegiatan penipuan, pemalsuan atau salah laku yang bertentangan dengan peraturan CBP, undang-undang atau prinsip Syariah yang berkaitan dengan akaun simpanan mereka atau atas apa-apa kesilapan teknikal yang tidak disengajakan.

6.14 CBP berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja sebelum tarikh pembatalan, penamatan atau penggantung dengan menghantar makluman bertulis, melalui media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan CBP mahupun di laman web CBP. Sekiranya timbul sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantung Kempen atau berkaitan dengan Kempen ini, pelanggan yang menyertai Kempen ini tidak boleh membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CBP bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung samada secara langsung dan tidak langsung.

7.0 PENEBUSAN HADIAH

7.1 Keputusan yang dibuat oleh pihak CBP terhadap semua perkara dan/atau sebarang pertikaian berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang pengikatan dan surat-menyurat selanjutnya tidak akan dilayan.

7.2 Pihak CBP mempunyai hak untuk mengguna, menyiar atau mempamerkan butir-butir pelanggan terpilih dalam apa bentuk sekali pun yang dianggap sebagai perlu dan bersesuaian (termasuk tetapi tidak terbatas kepada) nama, gambar, dan bandar tempat tinggal pelanggan yang terpilih itu untuk tujuan pengiklanan dan publisiti (jika ada). Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan terpilih itu dengan ini secara nyata telah membenarkan dan bersetuju dengan pihak CBP untuk melaksanakan hak-hak yang disebut lebih awal. Para Pelanggan Yang Layak akan mempunyai budi bicara untuk mendapat dan mengemaskinikan butiran peribadi mereka dengan cara memberitahu pihak CBP secara bertulis sepanjang tempoh Kempen.

7.3 Pihak CBP mempunyai hak dan pertimbangan yang muktamad untuk mengubah, meminda, memansuhkan atau menambah mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan secara khususnya di dalam dokumen ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk untuk mengubah jangka masa Kempen yang dianggap perlu dan wajar dengan memberi notis yang secukupnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja melalui laman web rasmi CBP atau notis di cawangan-cawangan CBP.

7.4 Pihak CBP juga mempunyai hak untuk menukar, menghapus, mengganti, menambah atau membatalkan Hadiah-Hadiah Kempen sebelum pemilihan pemenang dan/atau sebelum upacara pengumuman pemenang dan/atau penyampaian hadiah dan/atau sebelum penebusan hadiah dan/atau sebelum *akad Hibah* dilaksanakan atau dibuat pada bila-bila masa dengan notis sewajarnya melalui laman web rasmi CBP atau notis di cawangan-cawangan CBP.

7.5 Pihak CBP mempunyai hak dan pertimbangan mutlak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan Yang Layak yang didapati atau diputuskan sebagai mengganggu proses penyertaan dan/ atau operasi Kempen, yang melanggar atau didapati mempunyai konflik kepentingan atau berpotensi melanggar Terma-terma dan Syarat-syarat yang temaktub di sini.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN HELLO CBP 2024

BERKUAT KUASA 01 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2024

- 7.6 Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan / atau representasi yang terkandung di dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini.
- 7.7 Dengan menyertai Kempen ini, para Pelanggan Yang Layak dan / atau mana-mana pihak yang berkaitan di sini bersetuju untuk terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat yang telah dinyatakan.
- 7.8 Pihak CBP tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kegagalan berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh takdir, peperangan, rusuhan, pemogokan, halangan masukoleh majikan, tindakan industri, kebakaran, banjir, musim kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa kejadian di luar bidang kuasa kawalan yang sepatutnya oleh pihak CBP.
- 7.9 Kesemua Terma-terma dan Syarat-syarat yang termaktub di sini adalah berlandaskan prinsip Syariah di bawah konsep *al-wa'd bi al-hibah* serta bebas daripada unsur *maysir* atau perjudian kerana telah disahkan dan dijamin tidak akan menyebabkan apa-apa kerugian kewangan daripada amaun deposit milik pelanggan jika tidak terpilih sebagai pemenang cabutan serta tertakluk dan akan diperjelaskan selaras dengan perundangan Malaysia dan segala pertikaian berkaitan Kempen ini akan di rujuk kepada Mahkamah di Malaysia.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN HELLO CBP 2024

BERKUAT KUASA 01 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2024

HADIAH – HADIAH KEMPEN HELLO CBP 2024

Kategori Cabutan	Kategori	Bulan Cabutan	Hadiah (Item)	Bil. Pemenang Bulanan	Bil. Bulan	Bil. Pemenang Keseluruhan	Min. Purata Baki Harian Bulan Semasa	
Hadiah Utama	Individu	Mac, Jun, Sept, Dis	Proton S70	1	4	4	RM500	
	Individu	Mac, Jun, Sept, Dis	Motorsikal Suzuki Gixxer 250	2	4	8	RM500	
	Individu	Mac, Jun, Sept, Dis	Pakej Umrah/Percutian	2	4	8	RM500	
	Individu	Mac, Jun, Sept, Dis	TV 60 Inch	4	4	16	RM500	
	Individu/HeloCBP/Hello Mobile App	Mac, Jun, Sept, Dis	Thermomix TM6	1	4	4	RM500	
	Individu/HeloCBP/Hello Mobile App	Mac, Jun, Sept, Dis	Takaful Smartcare (RM140)	25	4	100	RM500	
	Bukan-Individu	Mac, Jun, Sept, Dis	Deposit-i Berjangka	5	4	20	RM1,000	
Jumlah Hadiah						160		
Hadiah Sampingan	Hadiah Pelanggan Koperasi	Bukan-Individu	Jan, Apr, Jul, Okt	Wang Tunai RM500	5	4	20	RM1,000
	Hadiah Lokaliti (Wilayah)	Individu (8 Wilayah x 3 Pemenang)	Jan, Apr, Jul, Okt	Wang Tunai RM500	24	4	96	RM500
	Hadiah Akaun Mystar (Pelanggan)	Individu	Feb, Mei, Ogos, Nov	iPad Mini 6th Generation	1	4	4	RM500
	Hadiah Akaun Mystar (Anak Kakitangan)	Individu	Feb, Mei, Ogos, Nov	iPad Mini 6th Generation	1	4	4	RM500
	Hadiah Akaun Kakitangan	Individu	Feb, Mei, Ogos, Nov	Iphone 15	1	4	4	RM500
Wang Tunai RM100				10	4	40	RM500	
Jumlah Hadiah						168		
Jumlah Keseluruhan Hadiah						328		

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN HELLO CBP 2024
BERKUAT KUASA 01 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2024

HADIAH – HADIAH KEMPEN – KEMPEN TAKTIKAL

• **KEMPEN TAKTIKAL (PEMBIAYAAN PERIBADI)**

Bil.	Bahan Galakan	Kuantiti
1.	Baucer <i>RM1,000</i>	<i>100 orang pertama yang membuat pembiayaan RM400,000</i>
2.	Baucer <i>RM150</i>	<i>480 pemenang</i> <i>Nota</i> <i>5 pelanggan pertama setiap bulan di setiap wilayah</i> <i>(berdasarkan tarikh dan masa pengeluaran)</i>
3.	Nilai Barang <i>RM200</i>	<i>100 akaun pertama dari rujukan Pelanggan Dapat Pelanggan</i>

• **KEMPEN TAKTIKAL (PEMBIAYAAN AR RAHNU)**

Bil.	Bahan Galakan	Kuantiti
1.	Emas Wafer <i>5gram</i>	<i>100 pemenang</i>
2.	Emas Wafer <i>1gram</i>	<i>25 pemenang</i>

• **KEMPEN TAKTIKAL (PEMBIAYAAN PERUMAHAN)**

Bil.	Bahan Galakan	Kuantiti
1.	Baucer	<i>150 baucer AEON x RM1000</i>
2.	Pakej Pelancongan	<i>4 Pakej Pelancongan/Umrah x RM10,000</i>
3.	Kad Hadiah (<i>Gift Card</i>)	<i>4 'IKEA Gift Card' x RM2,500</i>